

**KASITAH GADDAM**  
**chedet.co.cc**  
**August 20, 2009**  
**By Dr. Mahathir Mohamad**

1. Pada 12 Ogos 2009 Hakim Suraya binti Othman telah dapati Tan Sri Kasitah Gaddam tidak bersalah atas tuduhan dibawah Seksyen 417 Kanun Keseksaan (penipuan) oleh Pendakwa Raya. Dia (Kasitah) tidak dipanggil untuk membela diri.

2. Dengan itu tamatlah keseksaan dan kesengsaraan bekas Menteri Persekutuan ini. Selama lima tahun lebih tuduhan ini menghantui kehidupannya.

3. Tuduhan terhadap Kasitah bermula semasa dia menjadi Menteri di dalam Kabinet saya. Oleh kerana jawatannya yang tinggi saya dimaklumkan akan tuduhan terhadapnya. Saya tidak begitu yakin yang dianya bersalah.

4. Dua minggu selepas saya letak jawatan maka tuduhan tersebut telah dibuat terhadapnya. Saya terfikir mungkin kerana Kerajaan hendak menunjuk bahawa dalam kes jenayah tidak ada pilih kasih. Siapa sahaja boleh dihadapkan ke mahkamah jika bersalah.

5. Mungkin Kerajaan telah mendapat bukti yang lebih jelas. Tetapi ramai juga yang berpendapat ada sesuatu yang tersirat.

6. Sebagai rakan dalam Kabinet saya menunjuk simpati kepada Kasitah tetapi tidak mempertahankannya walaupun saya masih percaya dia tidak bersalah.

7. Proses penghakiman mengambil masa yang amat panjang dan dianya tentu terpaksa belanja wang untuk peguam dan lain-lain bagi mempertahankan dirinya. Saya tahu yang dianya tidak dapat bekerja atau berniaga semasa lebih lima tahun kes berjalan. Hartanya terpaksa dijual untuk membiayai kos mempertahankan diri.

8. Beliau bergantung semata-mata kepada pencennya.

9. Keputusan mahkamah berbunyi demikian;

***In the circumstances the accused stands acquitted and discharged of both the charges against him.***

10. Alhamdulillah. Tetapi fikirkan kerugian dan keseksaan yang dipikul oleh yang dituduh selama lima tahun.

11. Bagaimanakah kes ini bermula? Apakah tuduhan dibuat oleh sesiapa? Apakah pegawai yang menuduh atau orang tertentu?

12. Jika atas tuduhan oleh mana-mana pihak maka tentulah selidikan akan dibuat sehingga pihak Jabatan Peguam Negara berpuas hati ada kes terhadap yang dituduh sebelum tindakan mendakwa diambil.

13. Jika setelah selidikan yang mendalam pihak pendakwa raya ragu-ragu, *benefit of the doubt* patutlah diberi dan kes tidak diteruskan. Dengan itu tidaklah sesiapa dianiayai.

14. Saya perhatikan ada kes yang jelas berlaku tetapi entah kenapa tindakan tidak diambil. Dalam kes seperti ini orang ramai tidak boleh disalahkan jika mereka syak yang cover-up telah berlaku.

15. Dalam urusan keadilan, kita bukan sahaja ingin keadilan berlaku tetapi keadilan ternampak jelas telah berlaku.

*Nota: Kawan saya Eric Chia juga telah melalui tuduhan dan pengalaman yang sama. Akhirnya dia didapati tidak bersalah. Tidak lama selepas itu dia meninggal dunia.*

## **75 Comments**

By KIMURA  on [September 8, 2009 4:03 PM](#)

to EAH : pe yang duk mengarut ni.zaman nabi nk samekan dgn zaman skang. kamu ni kurang membace atau lebih membace tp x ade skil dlm pemahaman so g la sekolah blik k..

By sai  on [August 28, 2009 5:45 PM](#)

ASSALAMUALAIKUM Tun

Saya tertarik mengenai kes ini. izinkan saya mengutarakan sedikit pandangan mengenainya. kita tahu bahawa mahkamah telah menggugurkan segala pertuduhan keatas Kasitah gadam atas tuduhan rasuah tersebut. namun kita perlulah tahu bahawa tuduhan itu digugurkan atas sebab kekurangan bukti, dan bukan atas sebab adanya alibi kukuh yang membuktikan bahawa beliau tidak terlibat. konsep kekurangan bukti ini ditambah lagi dengan konsep keraguan yang munasabah 'reasonable doubt' yang memaksa hakim menggugurkan kes. kita semua sedar bahawa sememangnya penjualan saham sapi plantation milik lembaga kemajuan tanah negeri sabah (LKTNS) memang berlaku dan ini tidak akan boleh dijual sesuka hati tanpa ada kuasa yang membenarkannya. iya, memang penjualan saham ini nampak bersih dari segi segi prosedurnya, tetapi segelintir kita tahu bahawa pokok pangkalnya yang tidak terbicara ialah adanya pihak yang berunding dengan beliau agar menjual saham tersebut. sememangnya menjual saham dengan alasan agar tanah milik sapi plantation dapat dibangunkan adalah amat tidak perlu kerana banyak lagi kaedah yang boleh dilakukan yang kita sendiri mampu memikirkannya untuk membangunkan tanah tersebut. namun, saya tetap bersimpati kepada beliau kerana seseorang dalam kes ini sedangkan sebenarnya ada lagi pihak atasan yang terlibat dalam hal ini dan adakah saya tahu siapa? sekian.

By [ddinoo](#) on August 28, 2009 11:22 AM

Assalamualaikum Tun dan keluarga...

Sebenarnya Tan Sri Kasitah ini bijak dalam memanipulasi sistem keadilan dan pentadbiran sedia ada..sebab tu susah nak buktikan dia bersalah.

Cuba tanya orang kampung yang tergadai tanah. Tanya pegawai yang pernah berkhidmat dengannya...mampus tak mau cakap pasal tahu kesan dan akibatnya nanti.

Undang-undang di lihat sekarang ini hanya sesuai untuk orang kecil sahaja. Sekian..Selamat Berpuasa..

By [S..Tan](#) on August 24, 2009 2:18 AM

Dear Tun, salam Ramadan selamat berpuasa harap sihat. Kiriman saya untuk tajuk ini...

.....HUKUMAN TANPA BICARA

Kasitah dapat layanan lebih baik berbanding Pak Lah. Pak Lah hilang jawatan krn tuduhan chedet.cc tanpa perlu lalu soal siasat. Pakai hentam saja.


.....GULA DIMINTA, TEBU YG DIBAWA

Kes setiausaha kementerian dan Kasitah bukan berupa kes laungan rakyat. Kes laungan rakyat Mahligai Bali, Istana Pandamaran, duit Australia, Ketua Menteri disabit salah laku, permit teksi, jejambat retak, Scorpene, Sukhoi, AP, PKFZ, MAS.

Kes tak sangka sangka di bawa ke mahkamah (tak hairan kalah), kes pengetahuan umum tiada siasatan. Jelas pencuci mata, atau pengkabur mata.

Sama juga skrg, kes stadium runtuh, bangunan bocor jumlah berjuta tak diendah. Tapi kes bendera hanya beribu satu nyawa hilang, kes ratus ribu untuk kawasan cedera kaki orang. Kerana

pergelutan dalaman Umno, tangkapan di Terengganu. Tapi baiki kereta sampai beratus ribu tak ada kes?

By AMiN  on August 23, 2009 3:57 PM

Assalamualaikum w.b.t

Yang Amat Berbahagia Tun,

1. Salam hormat dan selamat menyambut Ramadhan di ucapkan kepada ayahanda Tun sekeluarga. Semoga Tun sekeluarga sihat wal afiat hendaknya.
2. Tajuk coretan ayahanda kali ini sangat menarik seperti juga catatan-catatan sebelumnya.
3. Saya pernah terfikir tentang kes beliau ( Kasitah Gaddam )beberapa hari sebelum ini. Tak sangka Tun akan menulis tentangnya.
4. Apapun, itulah harga sebuah keadilan yang perlu di bayar oleh setiap insan untuk membersihkan diri dari segala tuduhan.
5. Dari satu sudut, kes ini sememangnya seakan seperti menyusahkan dan memeritkan Tan Sri Kasitah dan keluarga. Terpaksa menanggung malu dan hilang jawatan dalam sekelip mata.
6. Juga terpaksa menelan cacian dan kepahitan persepsi rakyat Malaysia.
7. Hilang rakan dan sanjungan dari dalam dan luar negara.
8. Kerana kes ini, Malaysia juga turut terkena tempias dan terjebak dalam krisis imej pimpinan di mata dunia.
9. Namun,ianya sudah selesai apabila mahkamah memutuskan bahawa beliau tidak bersalah.
10. Dari satu sudut, pastinya ada pihak yang tidak berpuas hati akan menuduh bahawa wujudnya campurtangan dalam kes ini sehingga terlepasnya pendakwaan keatas "jerung".
11. Bagi mereka, jika ada pendakwaan atau pun meski hanya ada tuduhan rasuah terhadap mana-mana pemimpin atau "orang BN", maka ianya pasti benar dan hukuman mesti dijatuhkan walaupun perbicaraan belum pun di mulakan lagi.
12. Kelompok ini akan berkokok siang dan malam hingga ke subuh bahawa betapa buruknya pemimpin kerajaan yang korup. Bahkan mereka akan mempersoalkan kenapa hanya seorang sahaja didakwa, sepatutnya keseluruhan menteri Kabinet patut di heret ke mahkamah.
13. Demikianlah tanggapan mereka pada pemimpin kerajaan.
14. Dan mereka pula mengajar dan mengajak pengikut-pengikut mereka berfikiran sama.
15. Tetapi kita sangat kagum dengan sikap yang ditunjukkan oleh Tan Sri Kasitah bila sahaja beliau dibawa keluar dari pejabatnya di Putrajaya oleh BPR ( sekarang SPRM ).
16. Beliau nampak sedikit pucat dan takut tetapi tetap tenang.
17. Beliau tidak bergelut dengan pegawai yang mengiringinya atau pun cuba melarikan diri.

18. Sepanjang lima tahun berhadapan dengan kes tersebut, beliau tidak pula cuba minta bantuan pihak luar atau menyorok di mana-mana kedutaan asing.
19. Beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan media atau kenyataan bukan media bahawa dirinya mangsa konspirasi pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkannya.
20. Tidak pula dia mendakwa ada ancaman bunuh terhadap dirinya.
21. Selepas diheret ke mahkamah, beliau hanya berdiam diri, berusaha membuktikan dirinya tidak bersalah melalui proses keadilan biasa.
22. Beliau menggunakan ruang keadilan yang tersedia sepenuhnya. Beliau melantik dan mengguna khidmat peguam, tidak memohon sebarang penangguhan perbicaraan, tidak memohon pihak pendakwaan membekalkan bukti kes kepadanya, tidak meminta barisan peguam pendakwaan digugurkan dan tidak juga memohon agar kes terhadapnya di gugurkan!
23. Tetapi ada satu lagi perkara yang beliau tidak lakukan iaitu beliau tidak bermubahalah!
24. Saya sebenarnya tidak tahu status agama beliau, adakah beliau beragama Islam ataupun bukan Islam.
25. Tetapi jika beliau beragama Islam, berkemungkinan beliau bersedia bermubahalah bagi membuktikan dirinya tidak bersalah.
26. Sayangnya, pada masa itu tiada siapa yang membangkitkan isu mubahalah.
27. Nampaknya, nasib tidak menyebelahi beliau. Tuduhan terhadapnya bukan pada waktu yang tepat.
28. Jika beliau di tuduh setahun yang lalu, mungkin kita akan menyaksikan mubahalah ketiga selapas mubahalah yang dilakukan oleh Saiful Bukhari dan Dato' Seri Najib.
29. Apapun jika ianya benar-benar berlaku, yang pasti tidak akan ada mubahalah ke empat seperti yang ditunggu-tunggu oleh banyak pihak.
30. Jangan kata mubahalah, perbicaraan pun belum tahu bila nak di mulakan.
31. Alahai!

By Redhuan D. Oon  on August 23, 2009 9:40 AM

Tun,

Jelas nampak bahawa sistem manusia tidak sempurna dan sistem Islam adalah lebih baik kerana prinsip,

"Melepaskan yang bersalah kerana khuatir dia tidak, adalah lebih baik" atau 'the benefit of the doubt is granted'.

Baiklah Tun. Kawan-kawan Tun adalah bersih nampaknya dan tidak mengamalkan rasuah. Bagaimana pula dengan pemimpin lain yang Tun sendiri telah mengecapkan sebagai mengamalkan rasuah? Bagaimana pula sistem akan dapat menghukum mereka?

Sekali lagi kelemahan manusia akan menutup kesalahan kawan-kawan atau kroni-kroni. Ini tidaklah salah kerana Nabi sendiri pun menutup kesalahan orang yang ingin kepada Islam. Nabi juga berlembut dengan musuh dalam Perjanjian Hudaibiyah. Ada udang disebalik batu. Yang penting strategi pragmatis itu berjaya menarik lebih ramai orang menyokongnya.

Strategi Tun berjaya tetapi sedihnya ramai rakyat tidak suka. Pendapat mereka yang tidak suka kepada Tun itu penting kerana mereka ada hak satu undi masing-masing. Dalam sistem demokrasi kena berjaga-jaga. Tidak boleh kita menghukum sesiapa sewenang-wenangnya.

Saudara Dr. Ridhuan Tee baru-baru ini menyentuh soal kiasu dan amalan zina kalangan pihak tertentu kena kutuk pula habis-habisan oleh media masa tertentu dan media alternatif. Menunjukkan betapa tidak mudahnya mengeluarkan pendapat walaupun dalam media alternatif yang dikatakan lebih bebas dan liberal dari media perdana. Saya pula terpaksa sebut banyak 'tertentu' daripada yang ditentu.

It is fun isn't it when we have variety and opposition?

Peace!

Redhuan D. Oon  
Pendatang Dengan Izin

By [macpherson](#) on August 22, 2009 8:16 PM

That is why we must not mess up with the law! it all started when the government put in their finger in the legal system by firing judges and put in judges that there can manipulates and be prejudice to side the government of the day, see what is the problem now the people have very little faith in the system now!

By [nami](#) on August 22, 2009 4:21 PM

Salam Sejahtera Tun,

Saya nak respond comment oleh 'Tuanku, pada August 20,2009- 10:07pm'!'...S'pore was ready to go to war if M'sia did not...'!!!

Mungkin ramai beranggapan yg S'pore berkeupayaan berperang dgn M'sia. Dan senario nya, Malaysia akan kalah dgn teruk sekali. Ini berkemungkinan kerana ramai menganggap, kelengkapan ketenteraan negara tersebut jauh lebih canggih dari M'sia.

Terutamanya Tentera udara mereka, hakikat ini memang lah di akui. Atau zaman sekarang di panggil "air superiority". Juga lain-lain cabang militier mereka yang sering dipamir kan dimedia-media akan kecanggihan dan 'up to date' nya sistem pertahanan dan serangan tentera mereka.

Pendekan cerita..!!Kalau berperangan berlaku (mohon dijauhkan bala ini)..!! Malaysia akan PASTI menang. Berlandaskan faktor-faktor berikut.

Mungkin pada minit yang awal, mereka menguasai ruang udara M'sia. Dan pelbagai macam senario keupayaan mereka.

Tapi jangan lupa dengan HANYA Kelengkapan Artileri Tentera perang dunia ke2. Tentera M'sia sudah mampu memusnah kan S'pore, dari jarak jauh.

Apatah lagi dengan Artileri era zaman sekarang. Meriam biasa atau jenis "rapid fire" . Dihalakan dari Melaka dan Pahang ke sasaran Lapangan terbang Seletar dan beberapa lagi lokasi serategik mereka. Mungkin tak sampai 4 jam lumpuh lah segala yang ada di pulau tersebut.


Perlu diingatkan,Meriam artileri menggunakan peluru biasa, bukan Missile atau yang berteknologi tinggi(Guided missile's...etc).Peluru meriam jenis "rapid fire" yang berkemampuan 4-5 tembakan seminit...tiada pernah adalagi sasaran yang mampu mengelak kan nya. Kecuali lah 'bunker-bunker'!!

Barang harus di ingat kan jua.Perang sehari, Tapi derita yang bakal di tanggung .Akan pasti belum boleh pulih 10 tahun mendatang untuk kedua-dua pihak atau yang terlibat.

Infrastruktur Musnah. Kesan tindakan selepas perang, seperti sekat menyekat perdagangan dan pelbagai lagi tindakan negatif menyusuli kemudian.

Akhir kalam..perang bukan lah penyelesaian nya.


Wasalam dari orghang biasa R.A.Bt2 1/2,Jln.Simpang,Taiping..!!

By abs  on August 22, 2009 2:09 PM

Yang Berbahgia Tun,

Saya kagum dengan semangat setiakawan Tun terhadap kawan2 Tun. Tun sanggup mempertahankan kawan2 Tun walaupun Tun sendiri tahu yang mereka ini memang terang2 bersalah. Dimasa Tun jadi PM selama 22 tahun banyak juga tuduhan tuduhan salah laku, rasuah dan salah guna kuasa yang berlebihan yang dikaitkan dengan crony crony dan pengampu Tun dan Tun sendiri tahu mereka ini menjadi liability pada UMNO, Kerajaan dan Tun sendiri, tetapi Tun tetap setia mempertahankan mereka walaupun seluruh negara digemparkan dengan isu2 kesalahan mereka. Umpamanya, TS Rahim Thamby Cik yang terang2 mempunyai ta'biat yang tak senonoh, tetapi olih kerana ia anak kesayangan Tun, jadi TS Thamby Cik selamat dari tindakan undang2 dan di low profailkan saja. Sama juga dengan kes-kes Tun Daim dan kroni2nya yang secara rakus menjahanam kan sistem ekonomi negara kerana ketamakan mereka, tapi Tun bela mereka juga.

Sekarang ni, Tun bersimpati pula dengan Menteri lantika Tun, Kasitah Kadam yang telah lepas dari tuduhan rasuah. Tun, kalau tidak ada angin mahukan pokok bolih bergoyang. Tun tanya sajalah hati kecil Tun samada ada Kasitah Kdam ni benar2 jujur dan tidak rasuah..

By RASID  on August 22, 2009 6:31 AM

Dear Tun,

Justice is only for those who 'kow tow' to you and your friends. It is only for Eric Chia, Kasitah Gaddam, Rahim Tamby Chik (I was in the hall during your lecture on Keusahawanan Melayu at

PWTC organised by GABEM recently in which Rahim was the President).Tajuddin Ramli dan Daim lagi tak pernah salah... semua tu fitnah je... (walaupun MAS hampir terlungkup) sebab Chedet tak pernah ambil tindakan pun... siap bailout lagi ada :)

Yes, under Najib, even Ali rustam pun tak bersalah dan boleh terus jadi menteri besar walaupun MT Umno sendiri sahkan dia terlibat rasuah dan dibar dari party election. Khairy bersalah (kata Chedet), dan tak boleh jadi menteri cabinet sebab Chedet kata KJ tak boleh jadi menteri sebab rasuah dan Najib sebagai anak didik chedet ikut saja.

If you are honest, you will see how cronic the situation you help to create. And you still have the gut to tell the public not to practise corruption.

By [dincbee](#) on August 21, 2009 11:24 PM

Dearest Tun, Good that Kasitah has been acquitted. The presiding judge's comment on the Chinese accountant was really sharp. Opportunist of the highest order, she said. I am yet to meet a Chinese who is not an opportunist. Anybody going after that accountant's hide ,I wonder.Well Tun, we should have remained as Malaya and could still enjoy tosei and kweytiow.

By [Ataturk](#) on August 21, 2009 11:19 PM

Dear Tun,

It's is the 21st century and we are still talking about fire and brimstone theory, caning a woman who made the mistake of consuming some alchohol.

A crook is fielded as an election candidate and attempts are made to portray him a "hero".

A corrupt chief minister wants to build a 42 billion dollar bridge.

The corrupt Umno Youth head is making challenges to all and sundry as though he is "king", everybody must explain to him.

Is Umno terminally ill or what?

And the MACC has a head who is promoter of child pornography (he did not condemn is son for dabbling in it, so I have to interpret it as he is a promoter of the scourge) and he has pussies and crybaby deputy directors who cannot do their jobs because people are slamming them.

What do they expect when they cannot get their act together and now want their academy to be a regional training centre. Talk about the height of delusion.

I am sorry to be negative. By the way I do not belong to any political party.

Best Regards Tun, Selamat Berpuasa

Ataturk

By [kamal ahmad](#) on August 21, 2009 11:05 PM

Kata nasihat untuk UMNO muda. Kalau nak berjuang buat lah dengan ikhlas. Kita cukup makan saja dah cukup kalau ikhlas nak berjuang tanpa ada agenda peribadi nak naik melangit. Tak perlu jawatan nak berjuang, tak perlu meja, kerusi atau drebar. Sebab kalau kita ikhlas, Allah akan percukupkan keperluan kita, ada juga lebihnya untuk kongsi dengan yang perlu. Tapi apabila anda melaungkan perjuangan Melayu diatas tiket UMNO dan anda beli share ECM sampai hampir 10 Juta duit atas angin, ada kroni sampai buka syarikat penerbangan gergasi, ada kroni - dah lah! tak payah nak cakap! Sebab akan mengugat kepentingan negara dengan agenda tamak anda semua! Kami tahu jika korek, akan goyang yang tak boleh digoyangkan dalam kerangka masa ini. Jadi kami terima. Tapi ingatlah dengan sejelas-jelasnya: anda banyak hutang dengan ramai orang. Jadi lebih baik diam dan hilang sahaja dari pandangan dan pendengaran umum.

By kamal ahmad  on [August 21, 2009 10:15 PM](#)

Salam kasih dan salam hormat Ayahanda Tun. Semasa lagi menyentuh hal perundangan ini, izinkan saya menumpang pendapat dengan Tun.

Kalau nak harap MACC ambil tindakan memang susah. Sebab kerangka kerja semua ini bersandarkan pengaruh-pengaruh dan imbasan-imbasan tangan yang halimunan, ibaratkan seperti menampar angin, tak nampak tapi pasti boleh merasa ditapak tangan.

Tentu Karam Singh Walia akan berkata-kata begitu diatas pencemaran yang sebegini rupa. Walaupun mereka paparkan imej yang lain, tetapi wal-hakikatnya pula juga lain. Hanya dengan soal jawab didalam mahkamah akan berlaku "pembentangan fakta" yang akan akhirnya menuntut yang berwajib supaya membuka kertas siasatan dan kemudian tindakan. Walaupun pada hakikatnya, kita tak boleh menyimpang dari soalan yang diajukan, dan Hakim juga berhak untuk membuang mana-mana keterangan yang menyimpang (kita juga berhak meminta hakim yang hilang layak dilucutkan peranan dalam kes berkenaan), akan tetapi dalam sesi soalan oleh peguam kita (ataupun mungkin sesi soal jawab) kita boleh membuka semua pekung mereka. Kita boleh mengkaitkan sesuatu keterangan dengan kes dengan pelbagai cara. Dan apabila diambil terima keterangan oleh hakim dan mahkamah mencatatkan keterangan tersebut, maka pihak berwajib untuk menangani rasuah di Malaysia akan terpaksa akur 100% untuk bertindak. Itu saja caranya nak mengajar mereka ini semua! Itu kalau kita nak buat, kalau kita dah hilang sabar dan kalau kita dah melepasi tahap maksima toleransi meluat!

Tengok saja dalam UMNO dan Kabinet hari ini. Berapa banyak lagi budak-budak perasuah tingkat 4 masih kekal dengan posisi mereka! Apa nak diharapkan sangat lagi dah pun sebenarnya Tun.

Saya pernah terlintas seorang lelaki India (pencen) yang kehilangan anaknya akibat kecuai majikan anaknya dan juga sebuah syarikat gergasi elektrik. Sebagai ganti-rugi, syarikat telah menawarkan RM1,700 kepada beliau. Adakah nyawa anaknya hanya bernilai RM1,700? Beliau terus memfailkan saman keatas syarikat gergasi elektrik ini dan juga majikan anaknya dan beliau nekad untuk mewakili diri sendiri (sebab kedaifan hidup). Pada hari pertama kes, hakim meminta beliau menyoal saksi pertama kes dan beliau berdiri dengan terkapa-kapa dan menyoal tunggang-langgang. Seluruh isi mahkamah diam dalam simpati.

Hakim dengan penuh simpati memanggil beliau dan peguam defendan kehadapan dan Hakim berkata, (ungkapan lebih kurang) "Uncle, you tangguh dulu. You balik sedia you punya kes betul-betul uncle".

Saya tak akan lupa sampai bila-bila ingatan ini. Semangat dan kasih sayang seorang Ayah demi keadilan anaknya. Tujuh bulan berlalu dan semasa tujuh bulan ini, pakcik tua ini telah mendapat akses kepada perpustakaan beberapa buah firma perundangan dan juga khidmat nasihat guaman daripada beberapa peguam yang bersimpati dengan beliau.

Ramai peguam menawarkan khidmat untuk mewakili beliau secara percuma tetapi beliau menolaknya. Beliau hanya pinta meminjam buku undang-undang, nota undang-undang dan membaca sampai ke lewat malam dan awal pagi berseorangan dirumah. Seingat saya beliau adalah seorang duda yang hanya mempunyai seorang anak sahaja. Ini perjuangan beliau yang akan beliau mesti noktahkan sendiri. Selepas kira-kira tujuh bulan, perbicaraan bermula semula, dan selepas hampir 2 minggu peguam-peguam defendan berhempas pulas mematahkan hentaman mantap dan professional uncle tadi, kes pun selesai. Ayah tua ini mendapat hampir RM90ribu ganti-rugi daripada defendan.

Beliau sebenarnya tidak mahu dan tak memerlukan duit berkenaan. Tetapi hanya untuk mengajar pihak defendan tentang erti kemanusiaan, erti sebuah kehidupan dan erti suatu kasih sayang. Dalam kemenangan beliau, saya turut dapat melihat bahawa adakalanya dalam kehidupan, menang tidak membawa apa-apa kebahagiaan dan dalam kekalahan kadang-kalanya kemenangan.

Itu saja nota saya Ayahanda Tun. Sesekali teringat semula, senantiasanya pelbagai pengajaran baru ia sampaikan kepada saya. Serba sedikit fakta cerita ini saya terpaksa ubahkan sebab ini cerita betul dan saya tak nak sebarang menyentuh mana-mana pihak walaupun sudah hampir 20 tahun berlalu.

Natijahnya, kemarahan dan kesabaran manusia ada hadnya. Ianya tidak boleh melepasi harga diri seseorang. Jangan di cabar rational manusia keterlaluan daripada hakikat toleransi dirinya. Sebab kelemahan yang telah termaktub sebagai sejarah silam akan tetap terbuku sebagai sebuah liabiliti seumur hidup dan walaupun mereka telah kini menjadi para dewa-dewa kaya di kayangan, kita tetap akan boleh cakuk tali dan tarik mereka turun dan ikat macam lembu semula jika kita mahu. Mereka mesti sedar ini walau bagaimana tinggi sekalipun kayangan yang telah mereka mampu bina. Itu mereka dengan Tuhan, harap jangan libatkan manusia yang penuh dengan sifat pendendam.

Terima kasih Ayahanda Tun. Selamat Bersahur dan Selamat Berpuasa buat Tun sekeluarga dan juga semua rakan-rakan kami disini.

Salam Ramadhan juga pada semua rakan-rakan terhormat kami disini tak kira agama dan bangsa anda. Seperti biasa, hulur kongsikan rezeki kita semua bersama anak-anak yatim (tak kira agama anak-anak ini). Saya boleh sertakan link untuk rumah anak-anak yatim, namun saya harap kita semua dapat klik pada link yang terpaut dihati masing-masing – itu terbaik. Kos mereka makan sehari (basic) hanya dalam lingkungan RM50-80 sahaja. Terima kasih.

By kamal ahmad  on August 21, 2009 5:19 PM

Mano si bebudak Minang Samurai Melayu tu hah? Nih! Maie baco ni hoh! Ghasap jhubur deng nengoknyo! Habieh kobon gotah keno noreih nak dibayo ni hoh! Bongkak palo deng! Dua sekali dibuetnyo ataih bawah!

[http://www.nst.com.my/Current\\_News/NST/articles/20090821125921/Article/index\\_html](http://www.nst.com.my/Current_News/NST/articles/20090821125921/Article/index_html)

Khalid ordered to pay RM66.67mil to Bank Islam

2009/08/21

Selangor Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim was ordered by the High Court here today to pay RM66.67 million to Bank Islam Malaysia for a loan he took to purchase Guthrie shares in 2001 when he was the company's chief executive officer.

Justice Datuk Rohana Yusuf, who made the order in chambers, however, granted Khalid's application for an interim stay of execution pending a formal application on Sept 16.

Khalid's counsel, Malik Imtiaz Sarwar, told reporters that Rohana allowed Bank Islam's application for a summary judgment on grounds that the case need not enter into a full trial as there were no triable issues.

A summary judgment is a final decision by a judge which resolves a lawsuit in favour of one of the parties.

A motion for summary judgment is made after discovery is completed but before the case goes to full trial.

Malik Imtiaz said an appeal would be lodged with the Court of Appeal against today's outcome as he felt the matter should go before a full trial.

He said he would file a proper stay application by next week.

The court fixed Sept 16 to hear the formal stay application and to mention Khalid's suit against Bank Islam.

The bank counter-sued Khalid on May 24, 2007, claiming that Khalid had breached its contract in the Al Bai-Bithaman Ajil (BBA) loan agreement in the purchase of Guthrie shares.

Khalid initiated a suit against the bank on May 18, 2007, seeking damages and a declaration that there existed a collateral contract between him and bank with the said loan agreement dated April 30, 2001.

He also wanted a declaration that the BBA facility, in isolation and without the collateral contract, is null and void and that Bank Islam had breached the collateral contract and the BBA facility.

Khalid was not present in court while Bank Islam was represented by senior counsel Tommy Thomas. - Bernama

By cek  on August 21, 2009 3:43 PM

Assalamualaikum Tun & family,

JUST TO SHARE WITH MISSMYCOUNTRY, SAYA JUGA MERINDUI ZAMAN  
KEGEMILANGAN MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN TUN.

WE WERE VERY CONFIDENT ABOUT PUSHING OUR NATION TO THE TOP THEN.

BUT, LOOK AT US NOW..... WHAT'S HAPPENING. AND WHAT WENT WRONG. AS I SEE IT, EVERY THING STARTED TO COLLAPSE THE VERY MOMENT TUN LEFT OFFICE. HOW CAN WE REGAIN OUR LOST VICTORY?

P/S Tolong lah sesiapa jangan samakan dengan apa yang Tun maksudkan di sini dengan kes lain. Please read the verdict on Anwar's case carefully before putting up any comment. Thanks. Abang Gravity, tolong komen sikit..

Tun please take good care of yourself and Tun Hasmah.

By [dekerinchi](#) on August 21, 2009 1:59 PM

Assalamualaikum w.b.t.

Ybhg. Tun, Saya amat tertarik dengan permasalahan sebegini....adakah keadilan itu sememangnya cukup adil di dunia ini...?

Walaupun seserang di dapati tidak bersalah...(sememangnya ia tidak bersalah) tetapi dia terpaksa mengorbankan wang, harta dan masa untuk perkara yang mereka tidak buat....belum lagi tekanan semasas di soal siasat olh pihak berkuasa...

Persoalannya adakah ini yang dinamakan keadilan..? Kalau didapati tidak bersalah maka dia dilepaskan oleh mahkamah dan itu dikatakan mendapat keadilan.....tetapi dengan kos ...

By [mazlan](#) on August 21, 2009 12:18 PM

Assalamualaikum.

Sebagai manusia biasa siapakah yang tidak pernah melakukan kesalahan? Kita sebagai manusia, terlebih lagi seorang MUSLIM wajib berusaha menjaga diri dan orang di bawah tanggungan kita agar tidak melakukan maksiat dan dosa. Sepanjang pengetahuan saya tiada larangan ALLAH akan merosakkan hambaNYA. Jika kita tunduk dan patuh kepada ALLAH, INSYAALLAH akan selamat dunia dan akhirat.

Kebiasaannya kita cenderung menzalimi diri kita sendiri, tidak menjalankan perintah ALLAH. Sering kita terlupa tujuan kita dijadikan ALLAH dan tugas dan tanggungjawab kita di dunia ini. ISLAM ADALAH AGAMA TAUHID tetapi dalam kehidupan kita bilakah masanya kita bertauhid kepada ALLAH? Tanpa TAUHID tiadalah AGAMA bagi individu itu, tidak wujud masyarakat ISLAM jauh sekali negara ISLAM. Tidak hairan jika fitnah dan kerosakan berlaku kerana selain ISLAM tiada jaminan keselamatan dan kesejahteraan hidup. Hiduplah kita dalam hukum alam 'siapa kuat dialah kudrat'. Lambatlaun hura hara pasti berlaku. Ini baru pembalasan dunia, belum lagi pembalasan akhirat yang sudah pasti seperti janji ALLAH.

Saya sedar bahawa saya bukanlah orang yang layak untuk membuat seruan ini; MARILAH KITA SEMUA KEMBALI KEPADA ALLAH DAN RASULNYA, MENJADI UMAT PILIHAN AKHIR ZAMAN MENEGAKKAN ISLAM DIDIRI, KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA TANPA TAKUT DAN GENTAR HANYA KERANA MENUNTUT KERDHAAN ALLAH. TINGGALKAN SEGALA MAKSIAT DAN DOSA UNTUK SEGERA KEMBALI KEPADA IMAN DAN TAAT.

By [EAH](#) on August 21, 2009 11:57 AM



budi Budi yang mana dikenang orang?

Kenapa ada budi yang dikenang orang, kenapa ada budi yang tidak dikenang orang? Kenapa budi Firaun tidak dikenang Nabi Musa, kenapa budi Umno tidak dikenang Anwar?

Muhyiddin juga tidak berbohong bila mengatakan yang pengkhianat itu adalah orang yang mencetuskan isu berbau perkauman. Ya, saya akui dalam negara yang pelbagai etnik ini, isu perkauman memang menjadi sangat sensitif dan jika salah pembawaan boleh menjejaskan keamanan negara.

Pernahkah Muhyiddin melayari laman web Umno Reform atau blog Arah Kita? Siapa Anuar Mohd Nor yang menjadi editornya? Bukankah beliau yang menulis tentang Melayu Dalam Bahaya, Pertahan Hak Melayu – Ketuanan Melayu, sehingga yang paling ekstrim Tanah Melayu, Ketuanan Cina? Tidakkah tulisan ini berbau perkauman yang amat sangat? Apakah bagi Muhyiddin, Anuar Mohd Nor seorang pengkhianat?

Atau bagi takrif Muhyiddin, isu perkauman itu maksudnya bila ada sekumpulan rakyat bangkit marah dengan kematian mendiang Teoh Beng Hock yang ditemui mati di atas bumbung sebelah ibu pejabat SPRM Selangor? Hanya semata-mata kerana Beng Hock itu Cina, maka penyokongnya menjadi rasis? Apakah di Malaysia yang pelbagai etnik ini, orang Melayu hanya boleh menyokong Melayu, orang Cina hanya boleh menyokong Cina, orang India hanya boleh menyokong India? Tidakkah itu lebih rasis dan perkauman bentuknya?

BN memang tidak berbohong bila seperti kata Muhyiddin yang BN selalu memberi kenyataan berdasarkan fakta. Fakta yang saya juga setuju adalah BN berjasa membangunkan negara sampai ke tahap seperti sekarang ini. Memang ini benar kerana sejak Malaysia merdeka sehingga sekarang, kerajaan hanyalah dikuasai oleh BN (dahulunya Perikatan). Tiada parti lain yang pernah memerintah Malaysia selain BN. Tetapi beranikah pula untuk Muhyiddin mendedahkan fakta di sebalik pembangunan yang terbina ini, berapa ramai pula pemimpin yang korup dan rasuah yang telah BN lahirkan? Sekarang Ezam sudah berbaik dengan Muhyiddin, sudah tentu saya kira Muhyiddin boleh meminta jasa baik Ezam untuk meminjamkannya dokumen rasuah Rafidah Aziz dan Rahim Thamby Chik yang pernah didedahkan Ezam dahulu.

Kalau betul Muhyiddin berani untuk bermain dengan fakta, beranikah pula beliau memohon izin dari ketuanya, Najib bagi memeriksa akaun Negeri

Pahang? Beranikah Muhyiddin mendedahkan maklumat tentang akaun Negeri Pahang kepada umum. Mengapa belanjawan Negeri Pahang defisit 12 tahun, berturut-turut? Bukankah Pahang sebahagian dari kebanggaan BN sebagai antara kubu kuat mereka yang tidak lut tsunami politik 2008? Beranikah Muhyiddin memohon perkenan Yang DiPertuan Agung bagi melucutkan Tun Khalil Yaakob dari jawatan Tuan Yang Terutama Negeri Melaka, kerana wujud dakwaan salahurus hasil Negeri Pahang ketika menjadi Menteri Besar di sini dahulu? Jumlahnya bukan sedikit, mencecah di antara RM1.5 – RM4.5 bilion!

Nyatanya BN tidak berbohong dalam dakwaannya tentang jasa membangunkan negara, tetapi Muhyiddin yang mungkin sedang ghairah berada di kerusi nombor dua itu, terlupa untuk melihat natijah dari pembangunan ala BN ini. Mengikut rekod kewangan sebelum Pilihanraya Umum Ke-12 yang lalu, Negeri Kelantan yang diperintah oleh PAS, selain Sarawak, adalah negeri yang mempunyai tunggakan hutang paling rendah berbanding dengan semua negeri yang diperintah oleh BN. Sanggupkah Muhyiddin memuji pentadbiran Nik Aziz kerana hal ini?

Muhyiddin turut betul dan tidak berbohong bila menyatakan BN dan Malaysia di bawah kepimpinan Najib telah banyak mengusahakan pembaharuan yang selari dengan selera rakyat. Tetapi bukannya konsep 1 Malaysia Najib itu adalah lanjutan konsep Keadilan Untuk Semua yang menjadi slogan Parti Keadilan Rakyat? Tidakkah hak untuk semua rakyat yang pintar, apalagi dari keluarga miskin untuk mendapat biasiswa telah diperjuangkan oleh PKR melalui slogan Keadilan Untuk Semua itu jauh sebelum hadirnya Najib dengan idea Biasiswa Nasional? Tidakkah rasional di belakang idea Biasiswa Nasional itu juga selaras dengan cadangan membenarkan 10% kemasukan bukan Melayu ke UiTM oleh Khalid Ibrahim, Menteri Besar Selangor yang juga dari PKR? Yang terbaru, kabinet di bawah teraju Najib mengumumkan pemansuhan ruangan “kaum” dalam kebanyakan borang dan dokumen kerajaan. Sekali lagi, bukannya ini sejajar dengan slogan Keadilan Untuk Semua anjuran PKR, atau lebih ekstrim, senada dengan idea Malaysian Malays ia oleh DAP?

Atau, bagi Muhyiddin segala apa yang diusahakan Kerajaan BN pimpinan Najib adalah pembaharuan untuk rakyat, sementara jika ia gagasan Anwar, maka ia adalah lambang pengkhianatan kepada Melayu?

Oh ya, sebelum datangnya Pilihanraya Kecil Permatang Pasir ini, kita baharu sahaja melalui Pilihanraya Kecil Manek Urai di Kelantan. Di sana Muhyiddin ada berjanji yang Presiden Petronas sendiri akan mengeluarkan kenyataan tentang status royalti minyak kepada Negeri Serambi Mekah ini. Saya

menunggu juga, sampai sekarang saya belum dengar khabar beritanya. Apakah BN melalui Muhyiddin telah terbohong, atau saya yang terlepas pandang?

By missmyproudcountry  on August 21, 2009 11:46 AM

Dear Tun,

How are you? Hope you and Datin are in the pink of health. Sorry to have use this space here to comment as my comments below are not about the article above. I only feel like writing to you on my feelings and thoughts.

I am currently working and staying in Singapore. I grew up during your tenure as our Prime Minister. For as far as i can remember, we have been a strong, united and developed nation. I have always been very proud of our country, the place we called home. I came over to Singapore to complete my tertiary education at NUS. At that time, I was always proud and would not hesitate to introduce myself as a Malaysian.

However, all these have changed in recent years (i believe Tun and others who are reading this know why). We are no longer used to be the Bangsa Malaysia that we used to be. Although i am a Chinese, i grew up in a national school. Bahasa Malaysia has always been my first language in education. I enjoyed my schooling days with my Malay and Indian friends and missed the open house or joint celebration of festive seasons. In those days (which was not too long ago- I am only 28 years old), race and religion was never mentioned, least to say an issue.

Those was also the days where personal or communal safety was never an issue. Politics was played by only politicians and does not affect the daily lives of citizen. Peace was throughout the country. There were corruption but was under control (honestly saying, which country does not have corruption?!). I miss those days.

Regardless of what the other countries have to say, that you were autocratic, that you abused power, that you are not a good Prime Minister, WE, the rakyat know best. Our country was peaceful and safe when you were our PM. Foreigners can say what they want to say but they cant deny the progress, the stability and the good things that you have done for the country. Thank you Tun!

I miss those days..

By JJJ  on August 21, 2009 11:42 AM

salam Tun,

Baba chusa,

It's better malays muslims in power maa..evelybodi live peacefulli loh...you think what?chinese supelior ha?same ma 2 X 5...I think even worse haiyaa!

Jeng3

By lylyrt  on August 21, 2009 11:36 AM

Assalamualaikum Tun Dr. Mahathir,


It given me confidence and safety each time I view your comments regarding certain sensitive issue which only focus on the issue and truth that nat many people dare to speak it out on the basis of surrounding social value.

I would like to comment on amiir suggesting that Tun only concern about Tun's friend sorrow and hardship. Remember Semanagt 46? They were all his friends and thwy were all his foes. But end of the day, for the sake of unity, he invite them to rejoin UMNO. I think and I am sure during his tenancy as The Prime Minister, forgiving is greater than punishing.

DSAI was jailed because of corruption and not sodomy case. Please check on this before suggesting something that is not true and potrayed Tun as somebody who practice crinism and nepotism. and in fact, DSAI was his friend.

I think the only mistake that Tun ever made was to give ungrateful Malay the chance to get to what they are today by joining demonstration which I think you must have a lot of money by joining street demonstration instead of working. Just imagine the cost involve. The travelling, meals, not to mentioned the preparation and the period spent in lock up.

I hope there will be no street demo because of Datuk Kasitah acquittal. Don't let ourselves be the puppet of other people cowerdness which only knows how to provoke people but never got infront of everything and surrounded by army of lawyers.

By ibnisoleh  on August 21, 2009 11:22 AM

Salam Tun yang dikasihi,

Izinkan saya beri pendapat tentang isu kenyataan Datuk Nik Aziz..

Fitnah agama yang dibawa PAS dan sebahagian 'Ulama'nya.

1. Nik Aziz telah menyakiti ramai perasaan orang-orang Islam yang mengucap shahadah dan beriman dengan Allah (sebagai Tuhan yang Esa), Nabi Muhammad (sebagai Nabi akhir zaman dan contoh terbaik) dan hari Qiamat (sebagai Kehidupan selepas mati). Ramai penyokong UMNO yang beriman dan bersolat Jumaat dan Berjamaah lima waktu tersinggung dan terguris perasaan dengan dakwaan tersebut. Nik Aziz tiada sikap Ikhwanul Muslimin.

2. Nik Aziz lebih menyokong dan mengakui persahabatan dengan sekutu bukan Islamnya walaupun dengan terang sekutunya itu telah awal-awal menolak syariat Islam. Manakala saudara seagamanya di dalam UMNO ditolak mentah-mentah apabila cadangan perpaduan Ummah Islam diutarakan. Nik Aziz menolak Ikhwanul Muslimin.

3. Nik Aziz memiliki Ilmu agama yang hebat? Sehebat manapun ilmu agama Nik Aziz, Iblis lagi hebat ilmu agamanya, namun kerana ingkarnya dan takaburnya Iblis, iblis telah dilaknat Allah dan akan mendapat balasan neraka (ketetapan yang Allah nyatakan dalam Al-Quran). Nabi Muhammad berdakwah dengan penuh hikmah dan kasih sayang walaupun ditindas oleh orang kafir. Nik Aziz tahu akan perkara ini. Ulama yang keji adalah ulama yang berilmu namun tidak beramal dengan ilmunya.

4. Nik Aziz telah menimbulkan berbagai fitnah di kalangan orang Islam. Ulama yang tawaduk adalah Ulama yang mengasihi saudara seIslamnya dengan cara memujuk kepada perpaduan dan kasih sayang. Ulama yang baik adalah Ulama yang apabila kita melihat wajahnya maka kita akan rasa sayang dan ingat akan kehidupan akhirat, dan apabila ia berkata maka akan bertambah ilmu di dada, dan apabila bergaul dengannya memberi ketenangan dalam hidup. Kami tidak rasa apa-

apa pun bila memandang wajah Nik Aziz.

5. Nik Aziz tidak pertahankan Islam secara terbuka apabila Islam dihina secara terbuka oleh sekutu dalam pakatannya. Ini juga fitnah dan mengelirukan orang-orang Islam.

6. Nik Aziz bersekongkol dengan kumpulan-kumpulan pemimpin yang menolak Islam dan syariatNya. Juga dengan pemimpin yang telah disabitkan oleh mahkamah sebagai manusia yang bertabiat songsang dan haram dalam Islam. Persekongkolan ini juga adalah fitnah kepada orang-orang Islam.

7. Nik Aziz berpendapat Islam adalah PAS, luar PAS adalah tidak Islam. Nabi Muhammad dan Para Sahabat bukan ahli PAS. Di mana PAS tatkala orang kafir menyembelih orang-orang Islam di Pelestine dan Bosnia? Dengan mendakwa PAS itu Islam juga adalah fitnah agama.


8. Adakah dengan mengundi PAS dijamin Allah masuk syurga. Mana nasnya atau dalilnya? Adakah 'dakwah' PAS mirip dakwah Rasulullah yang berdakwah dengan penuh kasih sayang dan hikmah. Adakah PAS berdakwah? Adakah dengan cara mengkafirkan orang-orang Islam lain cara 'dakwah' PAS? Adakah Rasulullah tubuhkan sebuah parti dahulu lalu berdakwah? Adakah masuk dan sokong UMNO dikira murtad atau kafir? Apa nas atau dalilnya? Adakah orang-orang DAP yang bukan Islam yang sokong PAS juga dijamin syurga? Adakah orang-orang PKR yang beragama Hindu dijamin Allah masuk syurga Allah jika menyokong dan mengundi PAS? Siapa PAS dan 'ulama'nya yang boleh tentukan nasib syurga neraka orang-orang Islam lain yang masih bersolat? Adakah Nik Aziz telah diberi jaminan ahli syurga? Rasulullah sendiri tidak pernah menetapkan Firaun dan Hamman itu ahli neraka. Hanya Allah sahaja yang berhak menetapkan seseorang pada syurga dan neraka dan nasib Firaun dan Hamman telah Allah nyatakan dalam Al-Quran dan Hadith Qudsi.

9. PAS tidak lebih dari hanya sebuah parti politik yang memperjuangkan agenda politiknya yang kononnya berteraskan syariat Islam. Adakah dengan mengeji orang Islam lain, memfitnah, mengkafirkan saudara seIslam dituntut dalam syariat Islam? Rasulullah tidak hanya memikirkan Islam untuk manusia di Semenanjung Arab sahaja, bahkan Baginda memikirkan Islam untuk seluruh umat manusia seluruh alam dan zaman hatta bayi terakhir sebelum Qiamat. Adakah PAS betul-betul memperjuangkan nasib orang-orang Islam? Berapa ramai sukarelawan yang dihantar PAS ke Pelestine dan Bosnia ketika umat Islam disana dizalimi. Adakah PAS juga menganggap mereka juga bukan Islam atau Islam celup dan maka tidak salurkan bantuan?

10. Sejarah telah buktikan, Islam berkembang pesat di zaman Rasulullah dan para Sahabat agung kerana adanya ikhwanul muslimin dan satu hati dan kasih sayang di kalangan umat Islam ketika itu. Selain membentuk Iman para Sahabat, Rasulullah juga menekankan aspek-aspek persahabatan dan persaudaraan di kalangan umat Islam dan menghormati orang bukan Islam. Apabila orang Islam berpecah belah, bertelagah dan tiada satu hati, maka berbagai fitnah telah muncul ditengah-tengah empayar kerajaan Islam yang membawa kepada kejatuhannya. Dalam sebuah Hadith ada menyatakan jika umat Islam berpecah belah maka jauhlah dari rahmat Allah. Di Malaysia kini, bagaimana orang-orang Islam hendak bersatu jika ada pihak (orang Islam sendiri) gemar membuat fitnah kepada orang Islam lain. Menolak perpaduan itu sendiri merupakan fitnah. Siapa yang telah menolak perpaduan?

11. Adakah PAS telah betul-betul amalkan pemerintakan Islam di negeri yang mereka kuasai? Adakah dakwah di negeri-negeri tersebut bergerak? Adakah seluruh masjid dan surau di negeri-negeri tersebut didatangi jemaah sehingga melimpah ruah semasa solat Subuh? Atau berapa peratus orang-orang PAS sendiri yang hadir bersolat Subuh berjemaah di masjid dan surau-surau? Di Shah Alam tempat kami tinggal, ditadbir oleh ahli parlimen PAS, masjid dan surau amat lengang semasa solah Subuh Berjemaah, bukan sehari dua, bahkan hari-hari. Inikah Islam

yang konon dibawa PAS? Ini bukan Islam tulen, bahkan celup. Rasulullah dan para Sahabat amat titik-beratkan solah Subuh berjemaah di Masjid atau Surau. Di zaman Rasulullah dan Sahabat, golongan munafik dapat ditentukan melalui solahSubuh berjemaah. Maka apabila PAS dan 'ulama'nya mahu men'celup'kan Islam seseorang, maka teliti dahulu siapakah di kalangan ahli-ahlinya yang benar-benar Islam dan yang munafik (bahasa barat hipokrit).

By Buyong  on [August 21, 2009 10:53 AM](#)

Kes ECM Libra, MV agusta bila lagi naik court? ada sesiapa buat aduan?

By Abd Rahim Aziz  on [August 21, 2009 10:35 AM](#)

Salam

Selamat menyambut bulan Ramadhan.

By kamal ahmad  on [August 21, 2009 10:14 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun.

Banyak lagi seperti Tan Sri Kasitah Gadam (namun bukan dakwaan sebegitu rupa).


Ini semua dilakukan diatas nasihat budak-budak muda tingkat 4 yang semuanya beragendakan tempolok sendiri. Manakala segala IBLIS & SETAN budak-budak berkenaan beliau terima secara sah halal Hadhari-nya.

Tan Sri Kasitah sepatutnya menyaman Kerajaan (saman malu dan saman ganti rugi) dengan menamakan PM ke-5 (merangkap Presiden UMNO 31-Okt-2003 hingga ke 3-Apr-2009) dan beberapa lagi Individu-Rasmi (juga tidak rasmi) sebagai defendan-defendan kes.

Kalau peguam bijak, kes sangat cepat dan kemungkinan 80% Kerajaan akan minta selesai diluar mahkamah.

Apa tujuan komen ini? Seperti tertulis DAN JUGA untuk menyedarkan UMNO betapa besar liabiliti sedang dipikulnya hari ini, serta juga bahawa UMNO sedang diperkudakan oleh para mereka ini. Sekian.

T. Kasih Tun.

By HBT  on [August 21, 2009 10:10 AM](#)

Ayahanda,

//The Star Online reported:

Suit against Tiong on

KUALA LUMPUR: Transport Minister Datuk Seri Ong Tee Keat will proceed to sue Kuala Dimensi Sdn Bhd chief executive office Datuk Seri Tiong King Sing for making allegations he had received RM10mil from him.


